

PERBANDINGAN AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN IBNU SAHNUN (m.875M) DENGAN PROGRAM TAHFIZ AL-QURAN KIAS

COMPARISON OF THE TEACHING AND LEARNING PRACTICES OF QURAN MEMORIZATION BY IBN SAHNUN (D. 875 CE) WITH THE QURAN MEMORIZATION PROGRAM AT KIAS

Nur Aina Mardhiah bt Che Rahim ¹
Shahnun bt Hj Musa ²
Ahmad Junaidi bin Che Ariffin ³

¹ Al-Quran dan Hadis Studies Department, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Kota Bharu, Kelantan
(Email: n.ainamardhiah11@gmail.com)

² Arabic Language and Human Development Department, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Kota Bharu, Kelantan
(Email: shahnunmusa2023@gmail.com)

³ Al-Quran dan Hadis Studies Department, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Kota Bharu, Kelantan
(Email: Padi_Ahmad@yahoo.com)

Article history

Received date : 13-10-2024
Revised date : 14-10-2024
Accepted date : 15-12-2024
Published date : 17-12-2024

To cite this document:

Che Rahim, N. A. M., Musa, S., & Che Ariffin, A. J. (2024). Perbandingan amalan pengajaran dan pembelajaran tahfiz Al-Quran Ibnu Sahnun (m.875M) dengan program Tahfiz Al-Quran KIAS. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 70-86.

Abstrak: *Tahfiz al-Quran merujuk kepada amalan menghafaz al-Quran secara keseluruhannya. Usaha murni ini berakar umbi dalam tradisi Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW, yang menghafal al-Quran dan menggalakkan para sahabatnya melakukan perkara yang sama. Istilah Tahfiz yang berasal dari kata akar bahasa Arab "hafaza" bermaksud memelihara, melindungi, atau menjaga iaitu bermaksud pemeliharaan teks al-Quran melalui hafalan. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan tujuan melihat perbandingan antara amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran oleh Ibnu Sahnun (m.875M) dengan amalan yang dilaksanakan dalam program tahfiz al-Quran KIAS. Dapatan kajian menunjukkan terdapat persamaan dari segi prosedur hafazan al-Quran iaitu mengenal huruf, sebutan huruf yang betul, bacaan bertajwid, penulisan ayat hafazan, memperdengarkan hafazan ayat, menghafaz mengikut jadual tertentu dan berdasarkan kemampuan pelajar. Perbezaan hanya pada peringkat awal prosedur iaitu ikrab ayat. Manakala pendekatan pedagogi, kurikulum serta penekanan terhadap adab dan etika dalam mempelajari al-Quran, sasaran pelajar dan penekanan kepada pembelajaran berterusan adalah saling melengkapi. Diharapkan hasil kajian ini boleh menjadi panduan kepada penghafaz al-Quran, golongan pendidik hafazan serta pengusaha pusat-pusat hafazan al-Quran.*

Kata Kunci: *Pengajaran dan Pembelajaran; Hafazan al-Quran; Ibnu Sahnun, Tahfiz al-Quran KIAS*

Abstract: *Tahfiz al-Quran refers to the practice of memorizing the Quran in its entirety. This noble effort is deeply rooted in Islamic tradition, tracing back to the time of Prophet Muhammad (peace be upon him), who memorized the Quran and encouraged his companions to do the same. The term Tahfiz, derived from the Arabic root word hafaza, means to preserve, protect, or safeguard, signifying the preservation of the Quranic text through memorization. This study adopts a qualitative approach, aiming to compare the teaching and learning practices of Quran memorization by Ibn Sahnun (d. 875 CE) with those implemented in the Quran Memorization Program at KIAS. The findings reveal similarities in the Quran memorization procedures, such as recognizing letters, proper pronunciation, tajweed recitation, writing memorized verses, listening to recited verses, memorizing according to a specific schedule, and tailoring the process to the students' abilities. The only difference lies in the initial stage of the procedure, namely iqrab al-ayat (grammatical analysis of verses). Meanwhile, the pedagogical approaches, curriculum, emphasis on manners and ethics in learning the Quran, target audience, and focus on lifelong learning are complementary. It is hoped that the findings of this study can serve as a guide for Quran memorizers, Quranic educators, and administrators of Quran memorization centers.*

Keywords: *Teaching and Learning; Quran Memorization; Ibn Sahnun; Quran Memorization Program at KIAS.*

Pengenalan

Pengajaran tahfiz al-Quran adalah penting dalam membentuk generasi yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan untuk memahami makna yang mendalam dalam setiap ayat al-Quran. Ia bukan sahaja melibatkan penghafalan teks suci al-Quran sahaja, malah ia memerlukan kepada pemahaman yang mendalam mengenai sebutan yang betul serta pelaksanaan bacaan bertajwid di samping penekanan dalam pemahaman dan penghayatan terhadap kandungan al-Quran. Pengajaran yang berkesan dapat membantu pelajar mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan kehidupan seharian, menjadikan mereka lebih dekat kepada Allah SWT serta membina sahsiah yang mulia dan berakhlak tinggi.

Hafazan al-Quran memerlukan tumpuan, kesabaran dan usaha yang konsisten. Proses ini mendidik pelajar tentang pentingnya pengurusan masa dan usaha yang bersungguh-sungguh dalam mencapai matlamat mereka. Dengan disiplin ini, pelajar tahfiz dapat mengembangkan keupayaan untuk menghadapi cabaran dalam pelbagai aspek kehidupan. Pendekatan yang berkesan dalam pengajaran tahfiz harus melibatkan kaedah yang pelbagai dan sesuai dengan keperluan pelajar. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan guru tahfiz perlu bijak dalam menyesuaikan teknik pengajaran mereka. Penggunaan teknologi, kaedah interaktif, serta bimbingan rohani seperti *tazkiyatun nafs* dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran tahfiz, memastikan pelajar bukan sahaja menghafaz, tetapi juga menghayati dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan mereka.

Dalam konteks moden, terdapat pelbagai institusi tahfiz yang bertujuan yang sama iaitu melahirkan generasi penghafaz al-Quran. Di negara Malaysia umpamanya, institusi ini semakin pesat membangun umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Perkembangannya seiring dengan perkembangan semasa yang semakin menerima suasana integrasi pengajian. Kajian ini memberi

tumpuan kepada perbandingan amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran antara Ibnu Sahnun (m. 875M), seorang tokoh pendidikan Islam terkemuka dan amalan program tahfiz al-Quran di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Tinjauan Literatur dan Pernyataan Masalah

Bagi menilai keperluan dan kepentingan kajian ini, beberapa kajian terdahulu telah dijadikan rujukan. Antaranya ialah Kajian Abdullah (2016) telah meneliti cara pelaksanaan mata pelajaran Hifz Al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur mengikut kurikulum Tahfiz Ulul Albab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif dan keperluan kurikulum ini berada pada tahap tinggi, yang bermakna pelaksanaannya adalah sesuai dan memenuhi keperluan pendidikan semasa (Abdullah, 2016).

Seterusnya kajian oleh Abd Razak (2020) menumpukan kepada isu pedagogi dan amalan pengajaran dalam kalangan guru tahfiz di pusat-pusat tahfiz persendirian di Selangor. Dapatan kajian mendapati bahawa guru tahfiz kurang mahir dalam aspek pedagogi, dan ini disebabkan oleh kekurangan latihan yang diterima. Guru-guru lebih fokus kepada kandungan mata pelajaran berbanding kaedah pengajaran, yang menunjukkan perlunya peningkatan dalam latihan pedagogi untuk guru tahfiz (Abd Razak, 2020).

Menjurus kajian oleh Abd Ghani (2013), telah membincangkan pelbagai kaedah hafazan al-Quran yang diamalkan oleh pelajar di Darul Quran JAKIM. Antara kaedah yang digunakan termasuk talaqqi dan musyafahah, takrir, tahsin, tafsiran dan menulis, chunking, minda fotografi, multimedia, dan adab menghafaz. Dapatan kajian juga mengenal pasti cabaran utama dalam hafazan, seperti aspek dalaman, pengaruh ibubapa, guru, dan rakan, masa, aktiviti, akademik, serta persekitaran dan pemakanan (Abd Ghani, 2013).

Manakala kajian oleh Abdul Rahman Abdul Ghani (2021) bertujuan untuk menganalisis dan mengenalpasti pelaksanaan kurikulum, juga melibatkan bentuk dan kaedah pelaksanaan kurikulum yang terdapat di institusi-intituti tersebut, khususnya institusi yang terletak dalam negeri Johor. Data kajian diperolehi melalui instrumen borang soal selidik yang diedar kepada 25 buah institusi yang ada di negeri Johor. Terdapat lima item yang dikaji iaitu kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar, kaedah muraja'ah yang diamalkan oleh pelajar, kaedah penilaian terhadap pelajar, masa penilaian terhadap pelajar dan kaedah penyampaian guru. Analisis keseluruhan mendapati bahawa bentuk dan kaedah pelaksanaan kurikulum di negeri Johor berada pada tahap yang kurang memuaskan. Daripada tujuh item yang dikaji berkaitan bentuk kurikulum tahfiz, hanya satu item sahaja yang berada pada tahap memuaskan, sementara daripada lima item yang dikaji berkaitan kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz, tiada satu pun yang berada pada tahap memuaskan (Abd Rahman, A.G. & Maryam, M., 2021).

Kemantapan kurikulum perlu diselaraskan pelaksanaannya dengan pendekatan hafazan yang sistematik sebagaimana pandangan Fatahurrahman (2015) dan Mardhiah (2016). Marzuki et al. (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa perlu kepada satu strategi yang berkesan untuk memastikan amalan dan pendekatan dilaksanakan secara sistematik. Seterusnya, strategi murajaah al-Quran diperkenalkan oleh Fatimah Zaharah Ismail et.al (2020) iaitu terdapat enam momentum murajaah yang terdiri daripada target, teknik, istiqamah, rakan tasmik, suasana, dan waktu. Dalam hal berkaitan, strategi ini boleh diperkukuhkan dengan penggunaan aplikasi digital berdasarkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Antaranya kemahiran mendengar, mempelajari, membaca, menunjuk, memahami, memadan, melukis, menyebut, mengingati, mengulang dan menulis, yang boleh dipaparkan

melalui aplikasi Fun-Q, Juz Amma, Hafiz Series, Cerdik dan Faham Al-Quran, Ez-Hifz, Mengaji, Quran For Kidz, dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, kajian di atas memberikan pandangan yang mendalam tentang pelaksanaan dan cabaran dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Mereka menekankan keperluan untuk menyelaraskan kurikulum dengan keperluan semasa, memperkukuh latihan pedagogi untuk guru dan mengamalkan pelbagai kaedah hafazan yang efektif sambil mengatasi cabaran yang dihadapi oleh pelajar.

Berdasarkan tinjauan literatur di atas, perlu dilaksanakan pengajaran dan pembelajaran tahfiz secara holistik dan bersepadu agar pengajian tahfiz memberi impak besar kepada perkembangan holistik pelajar bersesuaian dengan keperluan kehidupan semasa pelajar. Justeru kajian perbandingan antara amalan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang dilaksanakan di KIAS dengan amalan oleh ulama terkenal pada era kegemilangan ilmu, zaman Abbasiyah iaitu Ibnu Sahnun (m.875H).

Walaupun penghafazan al-Quran telah lama diamalkan, wujud pelbagai pendekatan dan kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran hafazan. Sebahagian daripada kaedah tersebut adalah bersandarkan kepada tokoh-tokoh ulama terdahulu, manakala sebahagian lagi diolah mengikut konteks pendidikan moden. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk melihat sejauh mana amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran yang diamalkan oleh Ibnu Sahnun dibandingkan dengan amalan yang diterapkan dalam program tahfiz di KIAS. Persoalan utama yang dikaji ialah persamaan dan perbezaan dalam prosedur pengajaran hafazan al-Quran antara kedua-dua pendekatan tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan melihat perbandingan antara amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran oleh Ibnu Sahnun (m.875M) dengan amalan yang dilaksanakan dalam program tahfiz al-Quran KIAS.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan secara kualitatif, bertujuan untuk menganalisis kandungan perbandingan antara amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran oleh Ibnu Sahnun (m.875M) dengan amalan yang dilaksanakan dalam program Program Tahfiz Al-Quran KIAS. Model pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang digagaskan oleh Ibnu Sahnun melalui karya pendidikannya, Kitab *Adab al-Mu'allimin* yang merupakan sumber utama kajian manakala beberapa dokumen pengajaran dari Program Tahfiz Al-Quran KIAS diambil untuk melakukan perbandingan dalam pengamalan tersebut. Ia juga dikuatkan data-data tambahan dari buku-buku, artikel, dan dokumen lain yang berkaitan. Kitab *Adab al-Mu'allimin* yang digunakan dalam kajian ini adalah edisi terbitan 2014 yang disunting oleh Abdullah 'Adil. Untuk membantu pemahaman teks tersebut, pengkaji juga merujuk terjemahan kitab ini yang disusun oleh Mohd Syafiq pada tahun 2019.

Dapatan Kajian

Berdasarkan sejarah kedua-dua institusi ini, masing-masing memiliki kepakaran tersendiri dalam mengemudi bidang tahfiz al-Quran. Kajian ini akan mengetengahkan pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua institusi dalam memastikan pengajaran tahfiz al-Quran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pendekatan tersebut akan memperlihatkan bagaimana strategi yang diambil mampu menjamin kelancaran proses hafazan serta pembentukan sahsiah pelajar, sesuai

dengan matlamat melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja mahir dalam hafalan, tetapi juga cemerlang dalam akhlak dan ilmu pengetahuan. Hasil dapat adalah seperti berikut:

Jadual 1: Perbandingan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Ibnu Sahnun (M.875m) Dengan Program Tahfiz Al-Quran KIAS

KOMPONEN	IBNU SAHNUN	TAHFIZ KIAS
1) Pendekatan Pedagogi	<ul style="list-style-type: none"> dilaksanakan secara komprehensif dengan memberi penekanan kepada penguasaan asas seperti mengenal huruf, baris, tajwid, serta membaca secara tartil. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan sistem tasmi juga menjadi fokus utama dalam proses pembelajaran, di mana pelajar diwajibkan untuk menghafal dan memperdengarkan bacaan mereka secara berkala.
2) Kurikulum dan Penilaian	<ul style="list-style-type: none"> tidak menetapkan masa khusus untuk menyelesaikan hafazan, bergantung kepada kemampuan pelajar. Pelajar dianggap tamat setelah menguasai keseluruhan al-Quran, yang menunjukkan pendekatan yang lebih fleksibel dan berdasarkan individu. 	<ul style="list-style-type: none"> Struktur yang ketat dan berdasarkan penilaian secara berkala. Pelajar diwajibkan untuk menghantar tasmi setiap hari serta mengikuti sistem murajaah.
3) Penekanan Terhadap Adab dan Etika	<ul style="list-style-type: none"> menekankan adab dan etika dalam berinteraksi dengan al-Quran, seperti tidak membaca al-Quran dalam tandas dan menghormati kesucian kitab suci. 	<ul style="list-style-type: none"> mendidik pelajar secara tak langsung di samping memberi penekanan kepada struktur pengajaran, penilaian berterusan.
4) Sasaran Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> Inklusiviti dalam pendidikan al-Quran iaitu kewajipan bagi semua kanak-kanak tanpa mengira jantina atau usia. 	<ul style="list-style-type: none"> proses saringan dan temuduga yang ketat, di mana calon diharuskan untuk menghafaz al-Quran terlebih dahulu sebagai syarat kemasukan.
5) Penekanan kepada Pembelajaran Berterusan	<ul style="list-style-type: none"> proses pembelajaran al-Quran adalah berterusan, di mana pelajar mesti menguasai satu surah sebelum beralih ke yang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> menekankan pentingnya pembelajaran sepanjang hayat, di mana pelajar dianalisis dan dibimbing berdasarkan perkembangan mereka.

Perbincangan

Biodata Ibnu Sahnun

Ibnu Sahnun ialah Muhammad bin Abdul Salam bin Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al- Tanukhi (Najadat, 2018). Gelaran beliau ialah Abu Abdullah (Abi Abdullah Adil, 2014). Beliau lebih dikenali dengan Ibnu Sahnun, iaitu sandaran kepada gelaran bapanya Abdul Salam Sahnun. Beliau dilahirkan di Qairawan (sekarang Tunisia) pada tahun

202 H bersamaan 817M (Muhammad, 1984) dan meninggal pada tahun 256 H bersamaan 870M ketika berusia 54 tahun (Soyud, 2015). Bapa Ibnu Sahnun, Imam Sahnun merupakan ulama di benua Afrika, mazhab Maliki yang hebat dan terkenal di Morocco dan Sepanyol (Al-Mutairi, 2020). Hasil didikan ayahnya berserta dengan anugerah kepintaran akal serta penglibatan beliau dengan majlis ilmu bapanya, Ibnu Sahnun lahir sebagai seorang ahli perundangan Islam terkemuka dan ulama mazhab Maliki (Usairi, 2021). Sumbangannya yang mendalam terhadap pendidikan Islam dan perundangan telah meninggalkan legasi yang berkekalan, khususnya di Afrika Utara (Nurhayati, 2015). Ibnu Sahnun terkenal sebagai seorang ulama yang pintar dan ketokohan dalam pelbagai aspek iaitu dalam bidang hadis, fiqah, akidah dan ilmu kalam, pendidikan, pengajaran dan halaqat, perdebatan dan penulisan (Shahnun Binti Haji Musa & Burhan Che Daud, 2023). Beliau adalah seorang tokoh penting dalam pembangunan teori perundangan Islam dan amalan pendidikan.

Kitab *Adab al-Mu'allimin*

Berdasarkan pengalaman belajar di kuttab dan penglibatannya dalam pengajaran di pusat pendidikan tersebut, Ibnu Sahnun telah menulis sebuah buku mengenai pendidikan kanak-kanak di *kuttab* yang dikenali sebagai Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Buku ini merangkumi hasil perbincangan beliau dengan bapanya, Imam Sahnun, dan merupakan panduan bertulis pertama dalam sejarah pendidikan Islam. Kitab *Adab al-Mu'allimin* terdiri daripada sepuluh bab yang mengandungi 145 perkara. Kandungannya merangkumi aspek seperti pengurusan sekolah, pengurusan guru dan profesionalisme keguruan, pengurusan pelajar, pengurusan kurikulum dan pedagogi, pengurusan sumber pengajaran, serta hubungan antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat. Ibnu Sahnun memberi perhatian kepada semua perkara ini berasaskan prinsip fiqhiyyah untuk membentuk sistem pendidikan yang menyeluruh dan holistik bagi mendidik kanak-kanak. Matlamat utama pendidikannya adalah untuk melahirkan individu yang berilmu, beramal, dan beribadah melalui pendidikan al-Quran serta berlandaskan pendidikan spiritual. Kajian ini juga merujuk kepada Kitab *Adab al-Mu'allimin* yang telah diterbitkan semula pada tahun 2014 dengan pemurnian oleh Abi Abdullah Adil bin Abdullah Ali Hamdan. Edisi ini melibatkan penyusunan semula teks manuskrip, pembetulan kata yang tercicir, takhrij hadis dan al-athar, komentar, serta nukilan pandangan ulama salaf, bersama penjelasan biodata perawi hadis, dan penandaan ayat-ayat al-Quran serta faedah fiqhiyyah.

Melalui analisis kandungan Kitab *Adab al-Mu'allimin*, dapat dirumuskan pengajaran dan pembelajaran al-Quran mengikut perspektif Ibnu Sahnun adalah sebagaimana di dalam jadual di bawah;

Jadual 2: Rumusan Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Mengikut Perspektif Ibnu Sahnun Berdasarkan Teks Kitab *Adab al-Mu'allimin*

Bil	Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran	Perkara	Rujukan teks Kitab <i>Adab al-Mu'allimin</i>
1.	Keutamaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran	Kelebihan orang belajar dan mengajar al-Quran	Fasal 1; Perkara 1 & 2; ms71
		Keistimewaan orang belajar al-Quran	Fasal 1; Perkara 3; ms72
		Kelebihan golongan yang mempelajari al-Quran dalam usia muda	Fasal 1; Perkara 8; ms84

2.	Kepentingan hafalan al-Quran	Kelebihan menghafal al-Quran	Fasal 1; Perkara 5; ms73
3.	Kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran al-Quran	Mengenal huruf al-Quran	Fasal 8; Perkara 62; ms113
		Menulis ayat-ayat al-Quran	Fasal 8; Perkara 62; ms113
		Bacaan bertajwid	Fasal 8; Perkara 62; ms113
		Ikrab	Fasal 1; Perkara 7; ms74 Fasal 8; Perkara 62; ms113
		Qiraat	Fasal 8; Perkara 64; ms114
		Tarannum (bacaan dengan suara merdu) Hafazan	Fasal 8; Perkara 62; ms113 Fasal 8; Perkara 67; ms117-118
4.	Susunan ayat dan surah bacaan dan hafazan	Dua pertiga hafazan adalah pada surah Yunus. Satu pertiga hingga surah al-Baqarah	Fasal 8; Perkara 79; ms125-126 Fasal 9; Perkara 122; ms156-157
5.	Kebenaran berpindah ayat baharu	Penguasaan; membaca, menghafaz, menulis	Fasal 8; Perkara 77; ms125
6.	Jadual kelas hafazan al-Quran	Masa dan hari memulakan ayat baharu untuk hafazan (Malam hari Rabu atau hari Khamis)	Fasal 8; Perkara 67; ms117-118
7.	Tamat pengajian	Khatam bacaan dan khatam hafazan al-Quran	Fasal 5; Perkara 36; ms96 Fasal 7; Perkara 48; ms103-104
8.	Hukum berkaitan dengan pengajian al-Quran	Membersih tulisan ayat al-Quran	Fasal 3; Perkara 17-18; ms83-83
		Cara bacaan al-Quran yang dilarang	Fasal 8; Perkara 71; ms119
		Boleh membaca ayat al-Quran yang ditulis tanpa berwuduk	Fasal 8, Perkara 94, ms137
		Berwuduk untuk menyentuh mushaf	Fasal 8, Perkara 95, ms137
		Sujud tilawah dan tatacara sujud bila mendengar orang lain membaca ayat sajdah	Fasal 8; Perkara 102-106; ms147-148
		Larangan membaca al-Quran di dalam tandas	Fasal 8; Perkara 103; ms148

Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran

Sorotan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam Kitab *Adab al-Mu'allimin* adalah sebagaimana berikut:

Jadual 3: Petikan Teks Kitab *Adab al-Mu'allimin* (Ibnu Sahnun, m.875H) Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran (sambungan)

Bil	Fasal	Perkara	Kandungan	Muka surat
1.	1	1	Bapaku Sahnun meriwayatkan kepadaku, daripada Abdullah bin Wahb, daripada Sufyan al-Thauri, daripada 'Alqamah bin Marthad. daripada Abu Abd al-Rahman al-Sulami, daripada Usman bin 'Affan RA, bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, " <i>Yang paling mulia antara kalian ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.</i> " -Hadis sahih	71
2.	1	2	Muhammad (bin Sahnun, meriwayatkan), daripada Abu Tahir, daripada Yahya bin Hassan, daripada Abdul Wahid bin Ziyad, daripada Abdul Rahman bin Ishak, daripada Nukman bin Saad, daripada Ali bin Abi Talib RA, beliau berkata: Rasalullah SAW bersabda, " <i>Yang terbaik antara kalian ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.</i> " Hadis sahih	72
3.	1	3	Daripada Yaakub bin Kasib, daripada Yusuf bin Abi Salamah, daripada bapanya (Abu Salamah), daripada Abdul Rahman bin Hurmuz, daripada 'Ubaidullah bin Abi Rafi', daripada Ali bin Abi Talib RA, bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda, " <i>Allah mengangkat beberapa golongan (manusia) kerana al-Quran.</i> " Hadis hasan	72
4.	1	5	Musa, daripada Abdul Rahman bin Mahdi, daripada Abdul Rahman bin Budayl, daripada bapanya (Budayl), daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW bersabda, " <i>Sesungguhnya Allah memiliki ahli-Nya daripada kalangan manusia.</i> " Dikatakan, " <i>Siapakah mereka, wahai Rasulullah?</i> " Baginda menjawab, " <i>Mereka adalah hamalah (penghafal) al-Quran. Mereka inilah ahli Allah dan golongan khas buat-Nya.</i> " -Hadis sahih	73
6.	1	8	Ahmad bin Abu Bakar memberitahuku (Muhammad), daripada al-Zuhri, daripada Muhammad bin Talhah, daripada Said bin Abi Said al-Magburi, daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda, " <i>Barangsiapa yang mempelajari al-Quran di usia muda belianya, (nescaya) al-Quran bercampur dengan daging dan darahnya. Barangsiapa yang mempelajarinya di usia tuanya, dalam keadaan dia mudah terlepas daripadanya (hafalan dan bacaan tidak salah) dan dia tidak meninggalkannya (al-Quran itu,</i>	74-75

			meskipun susah dipelajarinya), <i>maka dia mendapat pahalanya dua kali ganda</i> ". Hadis hasan	
7.	8	62	Hendaklah dia mengajarkan bacaan al-Quran yang tepat, dan demikian itu menjadi kewajiban buatnya. Begitu juga baris huruf, sebutan huruf, tulisan yang cantik, bacaan yang merdu, hukum-hakam <i>waqf</i> (berhenti), dan tartil (tajwid), menjadi kewajiban buatnya (mengajarkannya kepada kanak-kanak).	113
8.	8	64	Wajib untuknya mengajarkan mereka tentang apa yang diketahuinya daripada qiraat (bacaan al-Quran) yang baik, iaitulah bacaan Nafi'. Tidak mengapa sekiranya dia mengajarkan qiraat yang lain kepada mereka, selama mana ia (bacaan) itu tidak buruk. Seperti: (يُنشُرُكَ) ، (وَأَلِدُهُ) ، (وَحَرَّمَ عَلَى قَرِيْبِهِ) Akan tetapi dia mengajarkan bacaannya: (يُنشُرُكَ) Ayat 39, surah Ali Imran (وَأَلِدُهُ) Ayat 33, Surah Luqman (وَحَرَّمَ عَلَى قَرِيْبِهِ) Ayat 95, Surah al-Anbiya' Dan yang seumpama dengannya. Serta seluruh (bacaan) yang dibacakan oleh para sahabat Rasulullah SAW.	114
9.	8	67	Hendaklah dia mengawasi mereka saat pengajaran dan 'ard (mengajarkan hafalan baru). Hendaklah dia menentukan hari bagi 'ard ini, misalnya pada hari Khamis, atau malam hari Rabu.	117-118
10.	8	70	Daku berpendapat bahawa dia tidak boleh mengajarkan <i>lahan</i> (bacaan berlagu) bagi al-Quran	118
11.	8	77	Tidak boleh baginya (guru itu) untuk memindahkan mereka daripada satu surah kepada surah yang lain, sehinggalah mereka menghafalnya dengan bacaan dan tulisannya, melainkan sekiranya para bapanya memudahkan (memberi izin) pada demikian baginya.	125

Keutamaan mempelajari dan mengajar al-Quran sebagai kalamullah yang menjadi pedoman Ilahi dalam kehidupan manusia sangat ditekankan oleh Ibnu Sahnun. Beliau menanamkan keyakinan kepada kanak-kanak dan guru untuk mempelajari al-Quran dengan baik melalui penjelasan hadis-hadis Rasulullah SAW, seperti yang disebutkan dalam Fasal 1 Perkara 1-9. Motivasi ini juga menekankan keistimewaan golongan yang berusaha menjadi penghafal al-Quran, iaitu ahlu al-Quran, sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 1 Perkara 5. Pembelajaran al-Quran dijadikan sebagai mata pelajaran wajib bagi setiap kanak-kanak di *kuttab*, tanpa mengira jantina atau usia, seperti yang disebut dalam Fasal 8 Perkara 62.

Pendidikan al-Quran di *kuttab*, mengikut pemikiran Ibnu Sahnun seperti yang dijelaskan dalam Jadual 4.9, dilaksanakan secara komprehensif. Proses pengajaran dan pembelajaran ini dinyatakan dengan jelas dalam catatan beliau, di mana pembelajaran dimulakan dengan mengenal huruf al-Quran, mengenal baris huruf, menyebut huruf dengan betul, menulis ayat-ayat al-Quran dengan kemas, membaca dengan suara yang merdu, mempelajari tajwid, serta membaca secara tartil, sebagaimana tercatat dalam Fasal 8 Perkara 62. Suruhan dan galakan ini ada disebutkan dalam hadis iaitu :

ليس منا من لم يتغن بالقرآن، وزاد غيره: يجهر به

Terjemahan: “Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak memperindahkan bacaan al-Quran”. Sebahagian yang lain menyebut menyaringkannya. (Riwayat al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, Bab *Qaulillah Taala “Wa Asirru Qaulakum aw Ijharu bihi, Innahu ‘Alim bi Dzaati As-Sudur, Ala Ya’lamu Man Khalaqa wa Huwa Al-Latiif Al-Khabir, no hadis 7527*).

Pelajar diwajibkan menulis ayat-ayat hafazan serta mempelajari ikrab al-Quran, yang merujuk kepada pemahaman terhadap makna, maksud, dan penjelasan setiap perkataan dalam ayat al-Quran dari aspek bahasa dan tatabahasa. Mereka diajar untuk menulis ayat-ayat al-Quran di papan tulis menggunakan dakwat, kemudian memadamnya setelah menghafaz ayat tersebut dengan tertib dan penuh adab, seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3 Perkara 17-18. Selain itu, Fasal 8 Perkara 64 menyebut bahawa pelajar diajar dan dilatih membaca al-Quran mengikut qiraat Nafi’.

Pelajar diwajibkan untuk menguasai sepenuhnya ayat al-Quran yang telah dihafaz, iaitu mampu membacanya dengan lancar, menulis ayat tersebut, dan memahami isi kandungannya sebelum dibenarkan oleh guru untuk beralih kepada ayat baharu. Jadual dan masa khusus untuk penulisan ayat serta memulakan hafalan ayat baharu telah ditetapkan sebagai panduan bagi guru dan pelajar untuk mengurus hafazan dengan teratur dan tersusun, seperti yang dinyatakan dalam Fasal 8 Perkara 67. Tempoh pembelajaran al-Quran tidak ditetapkan secara khusus kerana ia bergantung kepada kemampuan individu pelajar. Mereka dianggap tamat pengajian di *kuttab* setelah menyelesaikan bacaan dan hafazan keseluruhan al-Quran yang merangkumi 114 surah, sebagaimana disebut dalam Fasal 8 Perkara 79 dan Fasal 9 Perkara 122. Walaupun susunan ayat dan surah hafazan tidak dinyatakan secara terperinci, dapat difahami bahawa hafazan bermula dengan surah al-Fatihah dan al-Baqarah, manakala dua pertiga hafazan biasanya berada pada surah Yunus, seperti yang dijelaskan dalam Fasal 5 Perkara 36 dan Fasal 7 Perkara 48.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara formal di dalam kelas, Ibnu Sahnun juga membimbing para pelajar menghargai dan menghormati al-Quran sebagai kitab suci umat Islam. Dalam konteks ini, antara yang dianalisis dalam Kitab *Adab al-Mu’allimin* ialah berkaitan pendidikan hukum dan etika berkaitan dengan al-Quran. Hasil analisis adalah sebagaimana di dalam jadual berikut;

Jadual 4: Petikan Teks Kitab *Adab al-Mu’allimin* (Ibnu Sahnun, m.875H),

Bil	Fasa	Perkar	Kandungan	Muka surat
	l	a		
1.	3	17	Muhammad bin Abdul Rahman mengkhabarkan kepadaku, daripada Abdulah bin Said, daripada Zaid bin Rabi’; daripada Bishr bin Hakim, daripada Sa’id bin Harun, daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata, "Sekiranya kanak-kanak al-Kuttab (sekolah) memadam " <i>Tanzil (al-Quran) daripada Tuhan sekelian alam</i> " (al-Waqi’ah, 80) daripada papan tulis mereka dengan tapak kaki mereka, guru itu sesungguhnya telah melemparkan Islam di belakang	83-84

			badannya (yakni murtad). Dia tidak hiraupun akan bagaimana keadaannya bertemu dengan Allah (di akhirat kelak)."	
			Anas ditanya, "Bagaimanakah keadaan para muaddib (guru) pada zaman para Imam: Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali RAnhum?"	
			Anas menjawab, "Guru itu memiliki tempat basuhan, dan setiap kanak-kanak akan datang setiap hari dengan bekas airnya membawa air yang bersih, mereka menyiramnya (papan itu) di dalamnya (tempat basuhan itu), dan memadam papan tulis mereka dengannya." Anas berkata lagi, "Lalu mereka menggali sebuah lubang di atas permukaan tanah, mereka menuang bekas air tadi ke dalamnya, dan (dibiarkan) kering (dengan sendirinya)	
2.	3	18	Daku (Muhammad) bertanya (kepada Sahnun), "Bagaimana pendapatmu, bolehkah dibersihkan dengan jilatan (yakni air liur)? "Beliau (Sahnun) menjawab, "Harus (hukumnya). Jangan saja dipadam dengan kaki, tapi dipadam dengan sapu tangan dan apa yang seumpamanya."	85
3.	3	19	Daku (Muhammad) bertanya (kepada Sahnun), "Bagaimana pendapatmu tentang persoalan-persoalan (ilmiah) yang ditulis kanak-kanak di <i>Kuttab</i> (sekolah)?" Beliau (Sahnun) menjawab, "Kalau ada daripadanya zikrillah (al-Quran), janganlah dipadam dengan kakinya. Tidak mengapa dipadam selainnya apa saja yang bukan al-Quran."	85
4.	8	71	Kerana Malik berkata, "Tidak boleh membaca al-Quran dengan berlagu (<i>lahan</i>) (Maksud berlagu di sini merujuk kepada lagu-lagu dan notasi-notasi Arab yang dilagukan dengan suara nyanyian sebagaimana nyanyian di dalam majlis-majlis keramaian dan dengan tujuan mendapatkan duit. Adapun membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan tajwid yang tepat merupakan saranan Rasulullah SAW; " <i>Hiasilah al-Quran dengan suara-suara kalian</i> ". Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, an-Nasa'i dan Ibnu Majah)	119
5.	8	73	Beliau (Muhammad) berkata, Sahnun berkata, "Malik sesungguhnya pernah ditanya berkenaan majlis-majlis perhimpunan untuk membaca (al-Quran). Beliau berkata, " <i>Bid'ah</i> " Daku berpendapat bahawa para wali (penjaga kanak-kanak itu) hendaklah melarang mereka daripada perbuatan sedemikian.	122
6.	8	94	Tidak mengapa bagi kanak-kanak - sekiranya dia belum mencapai <i>hulum</i> (yakni belum baligh) - untuk	137

			membaca di papan tulis, tanpa wuduk, sekiranya dia mempelajarinya. Demikian juga guru.	
7.	8	95	Kanak-kanak tidak boleh menyentuh mushaf melainkan dengan wuduk, dan hendaklah dia (guru) memerintahkan mereka untuk melakukan demikian hinggalah mereka mempelajarinya.	137
8.	8	101	Daku (Muhammad) tidak berpendapat bolehnya dia membaca di tempat mandi.	146
9.	8	102	Malik berkata, "Sekiranya seorang guru melewati bacaan sajdah (bacaan sujud tilawah), dalam keadaan kanak-kanak itu membacakannya kepadanya (yakni sajdah itu merupakan pada bacaan kanak-kanak yang diperdengarkan kepada guru), maka tidak perlulah untuk dia (guru) sujud padanya. Hal ini kerana kanak-kanak bukanlah (layak dijadikan) sebagai seorang imam. Melainkan sekiranya dia seorang yang baligh, maka tidak mengapa untuknya (guru) itu sujud (tilawah bersamanya). Sekiranya dia meninggalkannya (sujud tilawah itu), maka tidak mengapa, kerana ia bukan wajib.	147

Dalam catatan Ibnu Sahnun yang dirujuk dalam Jadual 3, beliau membincangkan hukum dan etika berkaitan pembelajaran al-Quran. Pelajar diajar untuk memahami peraturan dan adab dalam berinteraksi dengan al-Quran, terutama ketika memegang dan membaca kalamullah. Kanak-kanak dibenarkan membaca al-Quran tanpa wuduk selagi mereka tidak memegang mushaf, seperti dinyatakan dalam Fasal 8 Perkara 94. Namun, dalam Fasal 8 Perkara 95, pelajar diwajibkan berwuduk untuk memegang mushaf. Bagi menghormati kesucian al-Quran, mereka diingatkan agar tidak membaca al-Quran di dalam tandas, sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 103. Larangan lain yang ditekankan ialah pelajar tidak dibenarkan membaca al-Quran dengan cara berlagu (lahan), yang merujuk kepada menyanyikan ayat al-Quran dengan melodi seperti nyanyian di majlis-majlis untuk mendapatkan wang, sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 72. Namun, membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan tajwid yang tepat adalah disarankan oleh Rasulullah SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, an-Nasa'i, dan Ibnu Majah: "Hiasilah al-Quran dengan suara-suara kalian." Pelajar juga dilarang membaca al-Quran secara berkumpulan dalam satu majlis, seperti dinyatakan dalam Fasal 8 Perkara 73.

Selain itu, pelajar diajar untuk melakukan sujud tilawah ketika membaca ayat-ayat tertentu dalam al-Quran, termasuk tatacara sujud tilawah apabila mendengar bacaan orang lain, sebagaimana dijelaskan dalam Fasal 8 Perkara 102-106. Peraturan mengenai menulis dan memadam tulisan al-Quran di papan *luh* turut dijelaskan dalam Fasal 3 Perkara 17, 18, dan 19. Pelajar dilatih untuk mencuci tulisan tersebut dengan penuh adab, menggunakan air yang kemudian ditadah dalam bekas khas sebelum dicurahkan ke dalam lubang yang digali untuk tujuan itu. Mereka juga dibenarkan menggunakan sapu tangan untuk membersihkan dakwat yang melekat, tetapi tidak boleh menggunakan kaki untuk mencuci tulisan ayat tersebut. Ini menunjukkan betapa pentingnya adab terhadap al-Quran dipupuk sejak kecil agar menjadi kebiasaan hingga dewasa.

Program Program Tahfiz Al-Quran KIAS

Menurut Muhammad Zulhilmi (2020) menjelaskan bahawa pada tahun 2010, KIAS telah menawarkan beberapa program baharu antaranya Diploma Qiraat Dan Tarannum dan Program Tahfiz Al-Quran KIAS. Diploma ini diletakkan di bawah Jabatan al-Quran dan Hadis. Mahasiswa dan mahasiswi program pengajian ini mempelajari subjek-subjek berkaitan ilmu al-Quran yang dijalankan sebanyak enam semester iaitu selama tiga tahun. Program ini telah mendapat perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma ini juga turut diiktiraf untuk menyambung pengajian di institut pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2024, ia berada di bawah penyeliaan Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis bersama beberapa program yang lain seperti Diploma Tarannum Al-Quran, Diploma Al-Quran wal Qiraat dan Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Pengurusan.

Matlamat program Program Tahfiz Al-Quran KIAS ialah membekalkan pelajar dengan ilmu-ilmu Islam dan pengetahuan yang pelbagai dalam bidang Tahfiz al Quran khususnya serta Qira'at dan Tarannum umumnya dan seterusnya mampu memanfaatkan ilmu-ilmu tersebut dengan suasana realiti masyarakat. Ia juga bermatlamatkan dalam melahirkan ulama yang berwibawa dalam bidang Tahfiz al Quran serta mampu membentuk dan membimbing masyarakat ke jalan yang direndhai Allah SWT.

Matlamat ini didasari dengan terbentuknya Hasil Pembelajaran Program (*Programme Outcomes*) yang merupakan matlamat kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ia boleh dirumuskan seperti di bawah:

Jadual 5: Hasil Pembelajaran Program (*Programme Outcomes*), Program Tahfiz Al-Quran KIAS, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, KIAS

1. **Pelajar berupaya menggunakan dan mengaplikasikan hafalan al-Quran bidang pendidikan.**
2. Pelajar berupaya menunjukkan kepakaran dalam teknik-teknik bacaan yang menyeluruh pada bidang yang diceburi.
3. Pelajar berupaya mengintegrasikan nilai-nilai etika dan profesionalisme dalam menyediakan khidmat dan memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.
4. Pelajar berupaya memahami dan melakukan kewajipan profesional dan kemanusiaan secara beretika dalam aspek Tahfiz al-Quran, dan ilmu-ilmu Quran bagi memelihara kesahihan serta keselamatan ilmu tersebut daripada penyelewengan.
5. Pelajar berupaya berkomunikasi dalam pelbagai medium antara ahli huffaz dan komuniti di samping mampu berfungsi dengan berkesan secara individu atau berkumpulan dengan keupayaan untuk menjadi pemimpin yang berkualiti.
6. Pelajar berupaya mengenal pasti, mengformulasi dan memberikan penyelesaian yang kreatif dan efektif dalam masalah Tahfiz alQuran melalui reka bentuk rutin.
7. Pelajar berupaya melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan maklumat dan pembangunan profesional.
8. Pelajar berupaya memotivasikan diri, meningkatkan kemahiran keusahawanan dan kemahiran mengurus untuk pembangunan kerjaya.

Dalam kursus ini, para pelajar didedahkan cara penulisan ayat Rasm al-Uthmani yang mana ia merupakan sistem yang digunakan dalam penulisan ayat al-Quran. Pemakaian kaedah ini akan dinilai pada 'Peperiksaan Akhir' iaitu pada hujung semester. Ia dinilai dalam bentuk bertulis yang mana soalnya merangkumi dari empat belas minggu (14) pembelajaran.

Para pelajar dikehendaki memperdengarkan hafazan mereka atau disebut sistem 'tasmi'. Pengamalan sistem *tasmi* hafazan al-Quran dibimbing melalui perkara berikut:

- 1) Pelajar wajib menghantar hafazan (*tasmi*) sebanyak dua (2) muka setiap hari
- 2) Jika ada kesalahan bacaan, pelajar dikehendaki mengulang kembali 'tasmi' mereka sehingga mencapai kesalahan minimal.
- 3) Bacaan perlu mengikuti jalan Imam Hafsa an Asim.
- 4) Bacaan hendaklah menepati ilmu tajwid yang disepakati oleh ulama.
- 5) Kesalahan minima sahaja dari sudut kelancaran bacaan dan tulisan.
- 6) Perlu menghafaz mengikut muka surat dalam al-Quran Rasm al-Uthmani dan tulisan ayat juga perlu ditulis mengikut tulisan tersebut.
- 7) Ketika sesi *tasmi* dijalankan, tulisan ayat pelajar akan disemak oleh pensyarah kursus.
- g) Setiap helaian *tasmi* akan direkod oleh pensyarah dan diteliti perkembangannya dari semasa ke semasa.
- 8) Selepas selesai sesi *tasmi*, para pelajar dikehendaki mengikut sistem murajaah, yang disediakan modul oleh pensyarah mengikut prestasi para pelajar.
- 9) Prestasi pelajar dianalisis oleh pensyarah kursus dari semasa ke semasa. Pelajar yang lemah akan diteliti kelemahannya dan diberi modul khusus mengikut kemampuan mereka sehingga boleh mencapai target sukatan.

Dalam masa yang sama, di samping penerapan secara bersistem dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, para pelajar juga diberi taklimat pada permulaan sesi semester, iaitu contohnya diadakan seminar tentang cara menghafaz al-Quran, bengkel pemantapan hafazan dan pelbagai program sebagai pendedahan awal kepada para pelajar dalam mengikuti pengajian dalam program tahfiz di KIAS. Pendedahan dan bimbingan seumpama ini penting agar boleh memantapkan lagi kemahiran menghafaz dan boleh memberi galakan dan dorongan yang efektif terutamanya kepada pelajar yang baru memulakan hafazan di KIAS.

Perbandingan

Dalam membandingkan pelaksanaan sistem hafazan al-Quran yang dijelaskan oleh Ibnu Sahnun dan program Tahfiz Al-Quran, terdapat persamaan dari segi prosedur hafazan al-Quran iaitu mengenal huruf, sebutan huruf yang betul, bacaan bertajwid, penulisan ayat hafazan, memperdengarkan hafazan ayat, menghafaz mengikut jadual tertentu dan berdasarkan kemampuan pelajar. Perbezaan hanya pada peringkat awal prosedur iaitu ikrab ayat. Dalam hal yang sama, terdapat beberapa aspek yang perlu diperhatikan, termasuk pendekatan pedagogi, kurikulum, serta penekanan terhadap adab dan etika dalam mempelajari al-Quran, sasaran pelajar, dan penekanan kepada pembelajaran berterusan yang mana kesemuanya saling melengkapi. Perinciannya adalah seperti berikut:

1. Pendekatan Pedagogi

Dalam pemikiran Ibnu Sahnun, pengajaran al-Quran di kuttab dilakukan secara komprehensif dengan penekanan kepada penguasaan asas seperti mengenal huruf, baris, tajwid, serta membaca secara tartil. Beliau juga memberikan penekanan kepada adab semasa belajar, seperti kewajiban berwuduk untuk memegang mushaf dan larangan membaca al-Quran dengan cara berlagu. Pelajar diajar untuk menghargai al-Quran dan mematuhi peraturan yang ditetapkan, seperti tidak membaca di tempat yang tidak sepatutnya. Sebaliknya, program Tahfiz Al-Quran menekankan persediaan akademik dan evaluasi berterusan. Sesi temuduga untuk pengambilan pelajar mencerminkan penekanan kepada kelancaran bacaan dan hukum tajwid. Selain itu, pelajar perlu mengikuti kursus intensif bahasa dan bacaan al-Quran sebelum memulakan pengajian rasmi, menandakan pendekatan yang lebih sistematik dan terstruktur. Pelaksanaan

sistem tasmi juga menjadi fokus utama dalam proses pembelajaran, di mana pelajar diwajibkan untuk menghafal dan memperdengarkan bacaan mereka secara berkala.

2. Kurikulum dan Penilaian

Kurikulum di kuttab tidak menetapkan masa khusus untuk menyelesaikan hafazan, bergantung kepada kemampuan pelajar. Pelajar dianggap tamat setelah menguasai keseluruhan al-Quran, yang menunjukkan pendekatan yang lebih fleksibel dan berdasarkan individu. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar mengikut kadar mereka sendiri, yang mungkin lebih sesuai untuk kanak-kanak yang baru mula belajar. Sebaliknya, kurikulum program Tahfiz Al-Quran KAIS dirancang dengan hasil pembelajaran yang jelas dan terukur. Setiap kursus mempunyai dokumen yang menyenaraikan hasil pembelajaran yang harus dicapai oleh pelajar. Penilaian dilakukan secara berkala, dan pelajar diwajibkan untuk menghantar tasmi setiap hari serta mengikuti sistem murajaah. Ini menunjukkan struktur yang lebih ketat dan objektif dalam penilaian kemajuan pelajar.

3. Penekanan Terhadap Adab dan Etika

Ibnu Sahnun menekankan adab dan etika dalam berinteraksi dengan al-Quran, seperti tidak membaca al-Quran dalam tandas dan menghormati kesucian kitab suci tersebut. Ini mencerminkan usaha untuk menanamkan rasa hormat terhadap al-Quran dalam kalangan pelajar sejak usia muda. Program Tahfiz Al-Quran KIAS juga menekankan nilai etika dan profesionalisme dalam pembelajaran al-Quran. Pelajar diharapkan untuk mengintegrasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan mereka dan berkhidmat kepada masyarakat.

Secara pelaksanaannya sistem hafazan al-Quran oleh Ibnu Sahnun dan program Tahfiz Al-Quran KIAS menunjukkan pendekatan yang bagus dalam mendidik pelajar. Ibnu Sahnun menekankan penguasaan individu dan adab dalam mempelajari al-Quran, sementara program Tahfiz Al-Quran KIAS berfokus kepada mendidik pelajar secara tak langsung disamping memberi penekanan kepada struktur pengajaran, penilaian berterusan, dan persediaan akademik yang sistematik yang mana kedua-dua pendekatan ini mempunyai kelebihan tersendiri dan boleh saling melengkapi dalam usaha melahirkan generasi yang cintakan al-Quran dan mampu berkhidmat kepada masyarakat.

4. Sasaran Pelajar

Ibnu Sahnun menetapkan pendidikan al-Quran sebagai kewajipan bagi semua kanak-kanak tanpa mengira jantina atau usia. Ini menunjukkan inklusiviti dalam pendidikan al-Quran. Manakala Program Tahfiz Al-Quran KIAS memerlukan proses saringan dan temuduga yang ketat, di mana calon diharuskan untuk menghafaz al-Quran terlebih dahulu sebagai syarat kemasukan. Pemilihan ini penting untuk memastikan kesinambungan dalam kemajuan menghafaz di peringkat pelajar.

5. Penekanan kepada Pembelajaran Berterusan

Ibnu Sahnun mengajar bahawa proses pembelajaran al-Quran adalah berterusan, di mana pelajar mesti menguasai satu surah sebelum beralih ke yang lain. Program Tahfiz Al-Quran juga menekankan pentingnya pembelajaran sepanjang hayat, di mana pelajar dianalisis dan dibimbing berdasarkan perkembangan mereka.

Kesimpulan

Pengajaran tahfiz yang diperkenalkan oleh Ibnu Sahnun serta program tahfiz al-Quran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dapat memberi panduan yang berguna dalam pelaksanaan program tahfiz secara lebih berkesan. Ibnu Sahnun, seorang ulama terkenal dalam bidang pendidikan Islam, telah menggariskan prinsip-prinsip asas dalam pendidikan al-Quran dan tahfiz yang masih relevan hingga ke hari ini. Beliau menekankan adab guru dan pelajar, teknik pengajaran yang sesuai, serta kepentingan membina akhlak mulia di kalangan pelajar tahfiz. Pendekatan Ibnu Sahnun yang berfokus kepada keseimbangan antara ilmu, akhlak, dan disiplin dapat menjadi panduan dalam merangka program tahfiz yang holistik.

Dalam masa yang sama, program tahfiz di KIAS pula membina prinsip-prinsip asas dengan memperkenalkan elemen moden dalam pengajaran dan pembelajaran. Program ini menggabungkan kaedah tradisional hafazan dengan penggunaan teknologi dan kaedah pengajaran inovatif, membolehkan pelajar mengakses bahan-bahan pembelajaran secara lebih mudah dan berkesan. Selain itu, program tahfiz di KIAS turut menekankan kepentingan integrasi antara pendidikan agama dan akademik, bertujuan melahirkan pelajar yang tidak hanya mampu menghafal al-Quran tetapi juga berkemampuan dalam bidang lain.

Dengan kombinasi prinsip pengajaran Ibnu Sahnun dan pendekatan terkini di program tahfiz al-Quran KIAS, pelaksanaan tahfiz dapat diperkukuh melalui pementapan disiplin, penerapan adab, serta pengajaran yang berkesan, sekaligus melahirkan generasi huffaz yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah. Secara keseluruhan, kedua-dua pendekatan ini saling melengkapi dalam memastikan pelajar bukan sahaja mampu menghafaz dengan baik, tetapi juga memahami dan mematuhi adab yang berkaitan dengan al-Quran.

Rujukan

- Abd Ghani, A. (2013). *Amalan Kaedah Hafazan al-Quran di Darul Quran*. Tanjung Malim: UPSI.
- Abd Rahman, A.G. & Maryam, M. (2021). Bentuk dan Kaedah Pelaksanaan Kurikulum Institusi Tahfiz Persendirian di Negeri Johor. *Jurnal Qiraat*, 11-23.
- Abd Razak, S. (2020). *Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di selangor*. Tanjung Malim: UPSI.
- Abdullah, N. (2016). *Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Ulul Albab. Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Tanjung Malim: UPSI.
- Abi Abdullah Adil, b. A. (2014), *Kitab Adabul Mu'allimin, Beirut, Darul Lu' Lu' Liltiba'ah wal nasyr*.
- Ahmad Hilmi, A. B., & Zakaria, Z. , S. M. , T. R. A. N. , & K. M. K. (2018). The Development Of Al-Quran Education Module For Gifted And Talented Students: Permata Insan College Approach: Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan Di Kolej Permata Insan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 5(2), 22–33.
- Al-Dibagh, A. Z.-A. (1968). *Ma'alim al-Iman fi Makrifati Ahlil Qairawan*.
- Al-Maliki, A. B. (1994). *Riyadhun Nufus fi Tabaqati Ulama' al-Qairawan wal Afriqiah*. Beirut: Dar al-Arabi al-Islami.
- Al-Mutairi, S. H. (2020). Ibd' Ibnu Sahnun fi Tanzim Biah al-Saffi min Lhilali 'Anasir al-Manhaji al-Ta'alimi wa Qawa'idihi. *Al-Tarbiyah (Al-Azhar) Majallah Ilmiah Muhkamah Lil Buhus al-Tarbawiyah wal Nafsiah*, 161-209.

- Diploma Tahfiz Al-Quran. (2024). Fail Maklumat Kursus. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, KIAS.
- Engku Alwi, E. A. Z., Abu Bakar, N. A., & Subki, R. N. (2014). Islamic faith in Malaysia: Current issues and challenges. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(20). <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n20p1954>.
- Fatimah Zaharah, I., Mohamed Fathy, M. A., & Mohd A'tarahim, M. R. (2020). Strategi Murajaah al-Quran bagi Huffaz di Peringkat Tertuari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 184-196.
- Ismail, S., Mustafa, N. M., Shahrudin, S. A., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2023). Teknik Hafazan Al-Quran Pra Sekolah Menerusi Aplikasi Digital. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 209-224.
- 'Iyadh, b. M.-S. (1983). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalaik li Makkrifati A'alam Mazhab Malik*. Morocco: Wizarah al-Auqaf wal Syu'un.
- Mohammad Syafiq, I. (2019). *Adab Para Guru*. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Najadat, H. (2018). *Majallah al-Buhus al-Tarbiah wal Nafsiah*. Retrieved from *Majallah al-Buhus al-Tarbiah wal Nafsiah*: <https://doi.org/10.52839/0111-000-057-019>
- Nor Adzimah Subirin, & Nor Hayati Alwi, F. M. F. U. K. A. M. and S. S. S. (2017). Ulul Albab Generation: Roles of Ulul Albab Teachers in Malaysian Selected School. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7, 1022–1033.
- Nurhayati. (2015). Pemikiran Ibnu Sahnun dalam Perspektif Pendidikan Islam {81. *Jurnal Studi Penulisan Riset Dan Pengembangan Pendidikan Islam*, 4(2).
- Shahnun Binti Haji Musa, & Burhan Che Daud. (2023). Biografi Ibnu Sahnun: Ulama Pendidikan Kanak-Kanak: Biography of Ibnu Sahnun: Child Education Scholar. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 127–141. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/272>
- Soyud, H. (2015). *Majalah Usur al-Jadidah*. Retrieved from *Majalah Usur al-Jadidah*: <https://doi.org/10.5424/2318-000-016.017-010>
- Usairi, P. (2021). Adab al-Mu'allim wa al-Mut'allim fi Dhau'i Kitabat Ibnu Sahnun wa al-Qabisi wa tatbiqatuh al-Tarbawiah fi Midan al-Madrasah. *Majallah Ilmiah Mahkamah Lil Buhus Al-Tarbawiah wal nafsiah wal Ijtima'iah*, 190-201.